

Soalan No:35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]
TARIKH : 31.10.2017
SOALAN :

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Sarawak yang kurang daripada 150 orang pelajar akan ditutup atau digabungkan; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan kepada SJKC di Sarawak pada tahun 2015, 2016 dan 2017 serta jumlah peruntukan yang telah disalurkan .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM) yang melibatkan penggabungan sekolah dan kelas bercantum bagi SKM berenrolmen 30 dan ke bawah. Penggabungan SKM dilaksanakan secara berperingkat-peringkat melibatkan sekolah yang menumpang dan sekolah yang terletak dalam radius 5 km. Bagi negeri Sarawak, penggabungan SKM akan dilaksanakan bergantung kepada kesesuaian dan kebolehlaksanaan SKM yang akan dikenal pasti.
- (b) Jumlah peruntukan kepada SJKC di bawah kategori sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) negeri Sarawak yang diterima untuk 3

69

tahun iaitu 2015 hingga 2017 adalah berjumlah **RM17,535,000.00**.
perincian adalah seperti yang berikut:

- i. Tahun 2015 jumlah peruntukan sebanyak RM8,495,000.00;
- ii. Tahun 2016 jumlah peruntukan sebanyak RM9,040,000.00;
dan
- iii. Tahun 2017 jumlah peruntukan sebanyak RM7,115,000.00.

RJM24